



# LEMBAGA JRUUKUR BAHAN MALAYSIA

## GARISPANDUAN PENAMATAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN/ FIRMA PERUNDING MULTI DISIPLIN

### 1.0 TUJUAN

Garispanduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada prinsipal/ rakankongsi/ pengarah yang ingin menamatkan pendaftaran sebagai Firma Perunding Ukur Bahan/ Firma Perunding Multi Disiplin dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM).

### 2.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan garispanduan ini melainkan sekiranya konteksnya membawa maksud yang lain:

- (i) "Firma Perunding Ukur Bahan" merupakan firma yang berdaftar dengan LJBM di bawah seksyen 7A Akta Juruukur Bahan (pindaan) 2015 dan mempunyai permit pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM.
- (ii) "Firma Perunding Multi Disiplin" merupakan firma yang berdaftar dengan LJBM di bawah seksyen 7B Akta Juruukur Bahan (pindaan) 2015 dan mempunyai permit pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM.
- (iii) "Pertubuhan Perbadanan" merupakan firma yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016.
- (iv) "pejabat cawangan" merupakan kesinambungan daripada pejabat utama yang berada di lokasi yang berlainan. Pejabat Cawangan mesti berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM

### 3.0 LATAR BELAKANG

Akta Juruukur Bahan Malaysia (pindaan) 2015 telah memperuntukkan pendaftaran untuk Firma Perunding Ukur Bahan/ Firma Perunding Multi Disiplin beramal sebagai firma Perunding Ukur Bahan melalui Seksyen 7A dan 7B. Seksyen 15 dan 16 Akta yang sama memperuntukkan kepada LJBM untuk membatakan atau mengeluarkan dari daftar LJBM bagi mana-mana pendaftaran dengan LJBM sekiranya didapati tidak memenuhi keperluan pendaftaran.

LJBM bersetuju bahawa Firma Perunding Ukur Bahan atau Perunding Multi Disiplin juga boleh memohon menamatkan pendaftaran dengan LJBM melalui syarat-syarat dan prosedur yang digariskan.

### 4.0 GARISPANDUAN PENAMATAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN/ FIRMA PERUNDING MULTI DISIPLIN

4.1 Firma Juruukur Bahan Perunding atau Perunding Multi Disiplin boleh memohon menamatkan pendaftaran dengan LJBM di atas sebab-sebab berikut :

- (i) Secara sukarela
- (ii) Pengisyiharan kebankrapan prinsipal (bagi firma berstatus Ketuanpunyaan Tunggal)
- (iii) Pengisyiharan Kebankrapan untuk Firma Perunding Ukur Bahan atau Perunding Multi Disiplin
- (iv) Kematian prinsipal (bagi firma berstatus Ketuanpunyaan Tunggal)
- (v) Arahan Mahkamah

- 4.2 Firma Perunding Ukur Bahan atau Perunding Multi Disiplin belum tamat tempoh perakuan pendaftaran perniagaan dibenarkan mendaftarkan penamatan perniagaan.
- 4.3 Firma Perunding Ukur Bahan atau Perunding Multi Disiplin yang telah tamat tempoh perakuan pendaftaran, pemilik boleh memohon mendapatkan Surat Pengesahan Penamatan.
- 4.4 Firma yang ditamatkan perniagaan di atas sebab kematian dikehendaki mendaftarkan penamatan perniagaan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kematian dan memulangkan semula permit asal firma ke pejabat LJBM.
- 4.5 Pihak Yang Boleh Memohon Penamatan Pendaftaran  
(i) Prinsipal /Semua rakan kongsi/ Semua Pengarah  
(ii) Waris firma ketuanpunyaan tunggal (yang dinamakan melalui perintah mahkamah)

**4.6 Dokumen yang perlu dikemukakan**

Sebab penamatan	Ketuanpunyaan Tunggal	Perkongsian	Pertubuhan Perbadanan
Sukarela	Surat pengesahan daripada prinsipal	Surat pengesahan daripada semua rakankongsi	Resolusi Lembaga Pengarah
Kebankrapan Prinsipal	Dokumen pengisyhtaran Kebankrapan oleh Jabatan Insolvensi	N/A	N/A
Kematian Prinsipal	(i) Sijil Kematian (ii) Pengesahan penamaan waris oleh mahkamah	N/A	N/A
Arahan Jabatan Insolvensi/ Mahkamah	Surat arahan Jabatan Insolvensi/ Mahkamah	Surat arahan Jabatan Insolvensi/ Mahkamah	Surat arahan Jabatan Insolvensi/ Mahkamah

**4.7 Bayaran**

Tiada bayaran yang perlu dikemukakan.

**4.8 Pendaftaran Pejabat Cawangan**

Penamatan pendaftaran Firma Juruukur Bahan Perunding atau Perunding Multi Disiplin akan turut meliputi penamatan Pendaftaran Pejabat Cawangan firma tersebut yang berdaftar dengan LJBM.

**4.9 Pendaftaran Semula/ Pemasukan Semula Pendaftaran**

Permohonan Pemasukan Semula Pendaftaran boleh dilakukan berdasarkan keperluan yang diperuntukkan oleh Seksyen 17 Akta Jurukur Bahan (pindaan) 2015.

**4.10 Penggunaan Semula Nama Firma yang telah ditamatkan pendaftaran**

LJBM berhak di atas budi bicara untuk meluluskan penggunaan semula Nama Firma yang telah ditamatkan pendaftarannya oleh mana-mana pihak yang dirasakan sesuai.

**5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Keperluan-keperluan di atas adalah berkuatkuasa mulai 16.08.2018.